

Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC)

MESYUARAT JAWATANKUASA PEMEGANG AMANAH ENDOWMEN BIL.1/ 2016

Mesyuarat Jawatankuasa Pemegang Amanah Endowmen Universiti Bil.1/2016 telah diadakan pada 03 Februari 2016 yang lalu bertempat di Bilik Mesyuarat, UTHM, Business Center, Bangi. Mesyuarat kali pertama pada tahun 2016 telah dipengerusikan oleh Tan Sri Sufri Hj. Mohd Zin turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) serta Timbalan Pendaftar ORICC selaku Setiausaha dan Sekretariat Endowmen Universiti. Mesyuarat diadakan bagi membincangkan serta meluluskan pengeluaran dana endowmen yang melebihi amaan RM50,000.00. Pengerusi turut memaklumkan bahawa sasaran endowmen pada tahun 2016 seperti digariskan dalam *Key Performance Index (KPI)* universiti adalah bersesuaian dengan situasi ekonomi semasa.



MAJLIS PENYERAHAN NOTA SERAH TUGAS DAN PENYAMPAIAN AMANAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)



Majlis Penyerahan Nota Serah Tugas dan Penyampaian Amanat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah dilaksanakan dengan jayanya pada 24 Februari 2016 bertempat di Bilik Persidangan ORICC. Majlis ini diadakan susulan dari pertukaran portfolio Timbalan Naib Canselor Universiti mulai 01 Januari 2016. Majlis meraikan pelantikan baharu Profesor Dr. Hashim Saim sebagai TNC(P&I) serta menghargai sumbangan & jasa bakti Profesor Dr. Wahid Razzaly yang kini memegang portfolio akademik dan antarabangsa. Majlis yang diserikan dengan tayangan *multimedia* bertajuk "Kenangan Mengusik Jiwa..." diakhiri dengan sesi penyerahan Nota Serah Tugas dan penyampaian amanat TNC(P&I) yang baharu, dengan disaksikan oleh warga kerja penyelidikan dan inovasi iaitu ORICC selaku pengajar, Pejabat Penerbit dan Pejabat TNC (P&I). Selamat Maju Jaya diucapkan untuk kedua-dua insan yang diraikan.



LAWATAN BALAS UTM KE UTHM

Langkah berikutnya dalam rangkaian lawatan pihak UTHM ke Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada 18 Januari 2016 lalu, pihak ORICC telah menerima kunjungan balas dari UTM bagi perbincangan lanjut mengenai penambahbaikan sistem pengurusan geran penyelidikan Universiti. Justeru, pada 22 Februari 2016 seramai tiga orang pegawai dari Centre for Information and Communication Technology (CICT), UTM yang diketuai oleh Pengarah CICT, Profesor Dr. Ali Selamat mengadakan lawatan balas ke UTHM. Turut hadir ialah Profesor Madya Dr. Mohd Shahizan Othman dan En. Mohd. Farid Sarji. Sesi perbincangan ini juga melibatkan pegawai-pegawai ORICC, Pejabat Penerbit, Pusat Teknologi Maklumat, Pejabat Bendahari dan Pejabat Pengurusan Strategik dan Kualiti. Perbincangan dipengerusikan oleh Profesor Dr. Rosziati Ibrahim, Dekan Pusat Penyelidikan



TAKLIMAT PERMOHONAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL

Pihak Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) akan memperuntukkan sejumlah dana bagi tujuan aktiviti penyelidikan. Pembukaan permohonan dana penyelidikan FRGS tahun 2016 telah dibuka mulai 29 Januari 2016. Ke arah menghasilkan *proposal* yang berkualiti tinggi, Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) telah menganjurkan sesi taklimat permohonan geran FRGS pada 23 Februari 2016. Penceramah untuk sesi taklimat ini adalah Profesor Dr. Abdul Latif Ahmad dari Universiti Sains Malaysia. Beliau merupakan penerima 'Merdeka Award' Tahun 2014 serta panel penilai geran FRGS peringkat Kementerian. Lebih 70 peserta dari semua fakulti menghadiri sesi taklimat tersebut. Program yang berkonsepkan 'Training of Trainers (TOT)' seumpama ini bertujuan memberi kesedaran kepada pemohon mengenai kaedah penyediaan dan penghasulan *proposal* penyelidikan yang berkualiti serta berimpak tinggi.

